

Kilang haram punca penyakit penduduk Sungai Lembu

11/8

UM-4

BUKIT MERTA JAM 10 Ogos - Saban hari selama hampir 10 tahun, penduduk Kampung Sungai Lembu dekat Mengkuang di sini terpaksa menghidu asap dan gas karbon yang dilepaskan sebuah kilang memproses habuk kayu yang terletak kira-kira dua kilometer dari kampung mereka.

Dakwa penduduk, keadaan itu mengakibatkan beberapa penduduk menderita penyakit kanser akibat terhidu asap berbahaya daripada pembakaran habuk kayu untuk kegunaan produk penapis karbon itu.

Namun biarpun banyak aduan dibuat kepada pihak berkuasa dan pihak berkuasa tempatan (PBT), kilang yang terletak di dalam ladang kelapa sawit kira-kira 0.5 kilometer dari jalan utama itu seolah-olah 'kebal' daripada sebarang tindakan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Lembu, Tan Sing Lee, pihaknya telah membuat aduan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) yang turut beberapa kali turun melawat kilang itu.

"Tetapi amaran yang dikeluarkan JAS tidak diendahkan oleh pemilik kilang yang mendakwa kedudukan

kilang mereka jauh daripada rumah penduduk dan menafikan masalah yang kami hadapi.

"Hakikatnya setiap hari kami di sini terpaksa menghidu asap terutama pada waktu malam dan awal pagi kerana kilang itu beroperasi 24 jam," katanya kepada pemberita di sini hari ini.



TAN SING LEE

Tambahnya, masalah itu juga pernah diajukan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti dari PKR, Dr. Norlela Ariffin yang membangkitkan perkara tersebut ke sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) namun dipandang ringan Kerajaan DAP Pulau Pinang.

Selain itu jelasnya, masalah itu juga pernah disuarakan kepada Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kerana kilang itu didakwa didirikan secara haram di atas tanah pertanian, namun sehingga kini tiada sebarang tindakan diambil.

"Kami tidak tahu kenapa pemilik kilang ini terlalu kebal dan tiada pihak boleh mengambil tindakan terhadap mereka yang disyaki beroperasi tanpa lesen sah sejak sekian lama.

"Jalan terakhir yang kami ada adalah melaporkan perkara ini kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) agar tindakan lebih menyeluruh diambil," ujarnya.

Pada masa sama, Sing Lee berkata, kilang itu menggaji pekerja asing yang dipercayai tidak mempunyai permit yang sah dan tinggal di rumah kongsi yang disediakan di dalam kilang itu.

Selain itu, ujarnya, penduduk juga terganggu dengan kehadiran lori yang menggunakan jalan itu untuk menghantar habuk kayu ke kilang terbabit sehingga menyebabkan pencemaran udara di sekitar kampung yang turut menjejaskan murid sekolah berhampiran.